



MAJLIS BANDARAYA
PETALING JAYA



MAJLIS PERSADA INOVASI PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SELANGOR 2025

RONDAPJ

ROAD NETWORK DEFECT
APPLICATION SYSTEM



‘ROAD SOLUTION FOR FUTURE’

BORANG PENYERATAAN

No :

(Untuk Kegunaan Pejabat)



BORANG PENYERTAAN MAJLIS PERSADA INOVASI PERKHIDMATAN AWAM PERINGKAT NEGERI SELANGOR TAHUN 2025

LATAR BELAKANG KUMPULAN	
Nama Kumpulan	TRAILBLAZERS
Nama Organisasi	MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA
Alamat	MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA NO 1, JALAN YONG SHOOK LIN 46675, PETALING JAYA SELANGOR
No Telefon & Faks	03-79584229
E - Mel	muhammad_zuhaili@mbpj.gov.my
Tarikh kumpulan ditubuhkan	13 FEBRUARI 2023
Bilangan ahli	8 ORANG
Nama Ketua Kumpulan	TS. MUHAMMAD ZUHAILI BIN ZULKIFLE
Nama Ahli	1. NUR HASNIRUL AIDA BINTI HANIZAR 2. AQILAH BINTI ALIAS 3. MUHAMMAD NIKMAN BIN HAMDAN 4. MOHAMMAD RATNO KARNO BIN KASRO 5. AMINUL RASYID BIN HUSSIN 6. JEFRI IZMIL BIN ABD SAMAD 7. MUHAMMAD IZZHAR BIN KHAIRUDIN
Nama Fasilitator (sekiranya ada)	IR. ISMAIL BIN SHAFIE IR. TS. AHMAD ROSLAN BIN HAIRUDIN
Nama projek	ROAD NETWORK DEFECT APPLICATION SYSTEM (RONDAPJ)
Bidang inovasi	PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN
Kategori inovasi	PENCIPTAAN
Tarikh mula projek	20 FEBRUARI 2024
Tarikh siap projek	31 DISEMBER 2024

'ROAD SOLUTIONS FOR FUTURE'



BORANG PENYERATAAN

PENGESAHAN KETUA JABATAN	
Pengesahan Ketua Jabatan / Agensi :	
i) Saya mengesahkan bahawa segala maklumat yang dikemukakan adalah benar dan projek ini telah diluluskan oleh Jawatankuasa Pemandu Inovasi pada... <u>16.04.2025</u> ...	
ii) Projek ini telah dipertandingkan diperingkat jabatan pada ... <u>14.04.2024</u> ...	
Tandatangan Ketua Jabatan / Agensi 	Cop Jabatan / Agensi HJ. MOHAMAD ZAHRI BIN HJ. SAMINGON Datuk Bandar Petaling Jaya
Tarikh : <u>17 April 2025</u>	
PENGESAHAN PANEL PENILAI (JIKA BERKAITAN)	
Pengesahan Panel :	
Saya mengesahkan bahawa projek ini telah melalui proses penilaian pada..... dan memenuhi kriteria yang ditetapkan.	
Tandatangan Panel Penilai 	
Nama :	
No. Kad Pengenalan:	
Jawatan/Gred:	
Jabatan/Agensi:	
No.Siri:	
Tarikh:	

PENGENALAN KUMPULAN



Nama Jabatan : Jabatan Kejuruteraan

Nama Organisasi : Majlis Bandaraya Petaling Jaya

Alamat : Jalan Yong Shook Lin
46675 Petaling Jaya
Selangor

No.Telefon dan Faks : 03-79584221 ext 108 / 03-79581494

Email : trailblazers463@gmail.com

Tarikh Kumpulan : 13 Februari 2023
Ditubuhkan

Moto Kumpulan : *Build.Innovate.Lead*

Bilangan Ahli : 8 orang

Penaung : 1) Tuan Hj Mohamad Zahri Bin Samington
2) Ir. Ts. Ahmad Roslan Bin Hairudin

Ahli : 1) Ts. Muhammad Zuhaili Bin Zulkifle
2) Muhammad Nikman Bin Hamdan
3) Nur Hasnirul Aida Binti Hanizar
4) Mohd Ratno Karno Bin Kasro
5) Jefri Izmil Bin Abdul Samat
6) Aminul Rasyid Bin Husin
7) Muhammad Izzhar Bin Khairudin
8) Aqilah Binti Alias

'ROAD SOLUTIONS FOR FUTURE'





KETUA KUMPULAN

Ts. Muhammad Zuhaili Bin Zulkifle

Unit Infrastruktur



Aminul Rasyid Bin Husin

Unit Jalan



Jefri Iznil Bin Abdul Samat

Unit Jalan



Muhammad Izzhar Bin
Khairudin

Unit Jalan



Muhammad Nikman Bin
Hamdan

Unit Jalan



Nur Hasnirul Aida Binti Hanizar

Unit Permit



Mohd Ratno Karno Bin Kasro

Unit Jalan



Aqilah Binti Alias

Unit Jalan



Surat Lantikan Ahli Kumpulan KIK 2023 oleh Pihak Pengurusan Majlis Bandaraya Petaling Jaya

'ROAD SOLUTIONS FOR FUTURE'

ISI KANDUNGAN

MUKA SURAT


BORANG PENYERTAAN

1.0	RINGKASAN EKSEKUTIF	
2.0	SIGNIFIKAN PEMILIHAN PROJEK	
2.1	KAITAN DENGAN FUNGSI UTAMA JABATAN ORGANISASI	1
2.2	MEMENUHI KEHENDAK PELANGGAN DAN PEMEGANG TARUH	2
2.3	SEJAJAR DENGAN AGENDA DAN MATLAMAT	2
2.4	KAITAN DENGAN KEADAAN DAN EKOSISTEM SEMASA	3
2.5	KAEDAH PEMILIHAN PROJEK DAN ANALISIS	4
2.6	PENYATAAN SASARAN OUTCOME DAN IMPAK	5
3.0	TINDAKAN PENYELESAIAN	
3.1	STRATEGI PENYELESAIAN KREATIF TERMASUK APLIKASI PENGGUNAAN TOOLS	6
3.1.1	EMPATI	
3.1.2	TAKRIFAN	
3.1.3	PENJANAAN IDEA	
3.1.4	PROTOTAIP	
3.1.5	UJIAN	
3.2	PERAKUAN DARIPADA PIHAK BERTAULIAH	11
3.3	PELAKSANAAN INOVASI	11
4.0	KEBERHASILAN PROJEK	
4.1	OUTCOME PROJEK	12
4.1.1	PENCAPAIAN OUTCOME DAN PEMBUKTIAN	
4.1.2	FAEDAH SAMPINGAN (LUAR JANGKA)	
4.2	IMPAK PROJEK	14
4.2.1	PENILAIAN IMPAK DAN PEMBUKTIAN	
4.2.2	FAEDAH SAMPINGAN (LUAR JANGKA)	
5.0	POTENSI PENGEMBANGAN PROJEK	
5.1	TAHAP KETERSEDIAAN TEKNOLOGI/SISTEM/PROSES	15
5.2	TAHAP REPLIKASI ATAU PENGKOMERSIALAN	15
6.0	PENUTUP	16
7.0	LAMPIRAN	17

RINGKASAN EKSEKUTIF

Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) ialah Pihak Berkuasa Tempatan yang bertanggungjawab ke atas bandar Petaling Jaya dan berusaha untuk mewujudkan pembangunan bandar yang seimbang dari segi sosial, alam sekitar dan ekonomi bagi kesejahteraan penduduk sekitar. Pentadbiran Majlis terdiri daripada seorang Datuk Bandar, seorang Timbalan Datuk Bandar dan 24 orang Ahli Majlis. Kawasan pentadbiran MBPJ berkeluasan 97.2 kilometer persegi yang kian pesat membangun. Petaling Jaya mempunyai jumlah penduduk lebih 807,879 orang dan bilangan pegangan hartanah 276,793. Petaling Jaya kini dikenali sebagai pusat pertumbuhan yang terunggul di Negeri Selangor.

Visi MBPJ adalah Petaling Jaya ke arah Bandar Raya Pintar, Mampan, Berdaya Tahan dan Dinamik menjelang 2025. Manakala misi pula adalah melaksanakan agenda perbandaran pintar, mampan, berdaya tahan dan dinamik menerusi tadbir urus cekap, berkesan dan peduli komuniti. MBPJ menyediakan perkhidmatan pembangunan perbandaran seperti perancangan, pembangunan, penyediaan kemudahan infrastruktur asas, pembersihan awam, kesihatan awam, tanah perkuburan, keindahan landskap, kemeriahan bandar dan banyak lagi.



Tugas MBPJ juga merangkumi pembangunan insaniah dengan menganjurkan program kemasyarakatan berkonsepkan mesra rakyat bagi semua lapisan masyarakat, menyalurkan bantuan kemiskinan, bencana alam, membanteras gejala sosial dan membantu ibu tunggal serta warga emas. MBPJ mempunyai 12 jabatan dan salah satunya adalah Jabatan Kejuruteraan. Jabatan Kejuruteraan adalah jabatan yang bertanggungjawab ke atas kerja-kerja berkaitan perancangan infrastruktur, penyelenggaraan jalan, saluran, cerun, lampu jalan, lampu isyarat, kawalan infrastruktur, kerja tanah dan penyelenggaraan kenderaan di Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Selaras dengan fungsi jabatan untuk menyediakan infrastruktur kualiti terbaik di Petaling Jaya, jabatan telah menubuhkan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) bagi tahun 2023 yang diberi nama Trailblazers. Kumpulan ini dimasukkan di dalam bidang **PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN** kategori **PENCIPTAAN**. Nama projek kumpulan TrailBlazers ialah RondaPJ. Kumpulan ini telah menggunakan kaedah **BRAINSTORMING** bagi mengenal pasti isu-isu yang sering dibangkitkan oleh pelanggan berkenaan penyelenggaraan dan pembangunan di sekitar Petaling Jaya, hasilnya adalah seperti berikut:



1. Kekerapan Jalan Majlis Rosak
2. Pembinaan Bonggol Jalan Tidak Seragam
3. Longkang Pecah Akibat Gangguan Aliran Air
4. Kekerapan Papan Tanda Rosak dan Hilang
5. Kekerapan Mentol Lampu Jalan Terbakar

'ROAD SOLUTIONS FOR FUTURE'

Kumpulan TrailBlazers telah menganalisis isu-isu di atas menggunakan kaedah **MATRIKS** dan **5W1H**. Oleh demikian, isu yang dipilih ialah Kekerapan Jalan Majlis Rosak. Senarai inventori panjang jalan di sekitar Petaling Jaya sebanyak 1482.17 Kilometer iaitu bersamaan 4744 batang jalan yang telah dibina. Statistik penerimaan aduan jalan rosak di sekitar Petaling Jaya adalah sebanyak 1042 aduan setahun. Senarai inventori jalan di bawah seliaan Majlis Bandaraya Petaling Jaya adalah sebanyak 4744 batang jalan yang diurus dan dipantau seramai 13 penolong jurutera sahaja yang merangkumi sebanyak 24 zon di sekitar Petaling Jaya.

Perkara tersebut adalah faktor utama terjadinya kekerapan kerosakan jalan di sekitar Petaling Jaya kerana kurang kecekapan dari segi pengurusan dan pemantauan aduan tersebut. Oleh demikian, kumpulan mengenalpasti isu dan masalah tersebut bagi mengurangkan kekerapan aduan jalan rosak dengan memperkenalkan satu sistem bagi penambahbaikan dari segi pengurusan dan pemantauan yang lebih efisien. Selanjutnya, kumpulan kami menggunakan kaedah **DESIGN THINKING** iaitu - **Empati, Takrifan, Idea, Prototaip** dan **Ujikaji**. Bagi cadangan penyelesaian dianalisa dengan menggunakan kaedah **SCAMPER**. Kumpulan telah berjaya menghasilkan sebuah sistem. Sistem RONDAPJ ini merupakan satu inisiatif dari Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) bagi memperkenalkan sistem dan cara kerja baru dalam pengurusan kerosakan bagi jalan-jalan dibawah bidang kuasa MBPJ. Sistem ini mengemukakan Modul utama iaitu modul pengesanan kerosakan jalan dengan integrasi Sistem AI (Kecerdasan Buatan). Sistem ini adalah hasil kerjasama bersama pihak Sistem Pengurusan Geospatial Smart Sel (SELGEM).

Didapati 'outcome' bagi projek ini adalah sistem ini dapat mempercepatkan masa rondaan dan laporan berkaitan kerosakan jalan dapat diterima dengan lebih pantas. Selain itu, pembangunan dan penambahbaikan ini juga dapat membantu pihak MBPJ dalam pengurusan dan pemantauan kerja-kerja pembaikan jalan yang dilakukan oleh kontaktor-kontraktor di bawah pengurusan MBPJ. Sistem pengesanan kerosakan jalan atau dikenali sebagai RONDA, yang mana merupakan komponen utama dalam penambahbaikan ini. Sistem pengesanan kerosakan jalan terutama kerosakan jenis pothole menggunakan aplikasi secara atas talian dan integrasi dengan sistem kecerdasan buatan (AI). Sistem ini menggunakan sensor dari jenis visual seperti video rakaman dashcam.

Potensi pelan masa hadapan sistem RONDAPJ ini dapat diperkenalkan dan diperluaskan kegunaannya kepada agensi lain seperti Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Kerja Raya (JKR) serta pihak utiliti. Selain itu, sistem ini juga berpotensi untuk mengurangkan kekerapan kerosakan dan pembaikan kerosakan lebih efisien bagi jalan raya di seluruh Malaysia.

2.0 SIGNIFIKAN PEMILIHAN PROJEK

2.1 KAITAN DENGAN FUNGSI UTAMA JABATAN ORGANISASI



Objektif

Objektif

Komitmen Majlis Bandaraya Petaling Jaya adalah memberikan perkhidmatan yang berkualiti kepada semua komuniti di Petaling Jaya.



Misi & Visi

Misi

Melaksanakan Agenda Perbandaran Pintar, Mampan, Berdaya Tahan, Dinamik Menerusi Tadbir Urus Cekap, Berkesan dan Peduli Komuniti

Visi

Petaling Jaya Ke Arah Bandaraya Pintar, Mampan, Berdaya Tahan dan Dinamik Menjelang 2025

Komitmen Majlis adalah memberikan perkhidmatan yang berkualiti kepada semua komuniti di Petaling Jaya. Visi Majlis Bandaraya Petaling Jaya adalah ke arah Bandar Raya Pintar, Mampan, Berdaya Tahan, Dinamik menerusi tadbir urus cekap, berkesan dan peduli menjelang 2025. Pelaksanaan sistem RondaPJ ini merealisasikan visi Majlis Bandaraya Petaling Jaya terutama dalam pelaksanaan tadbir urus yang cekap dengan membuat penambahbaikan dari segi pengurusan dan pemantauan yang lebih efisien terutamanya dari aspek penyelenggaraan infrastruktur jalan.

Manakala misi jabatan adalah melaksanakan agenda perbandaran pintar, mampan, berdaya tahan dan dinamik menerusi tadbir urus cekap, berkesan dan peduli komuniti. Ini menyokong misi jabatan dalam melaksanakan agenda perbandaran pintar dengan menggunakan teknologi AI dalam pelaksanaan sistem RondaPJ ini.

Hasil perjumpaan dan perbincangan Kumpulan Inovasi Kreatif (KIK) Jabatan Kejuruteraan, Majlis Bandaraya Petaling Jaya, persetujuan telah dicapai secara sebulat suara untuk menamakan kumpulan kami sebagai TRAILBLAZERS dengan keanggotaan seramai 8 orang ahli dalam memperkenalkan sistem dan cara kerja baru dalam pengurusan kerosakan jalan-jalan di bawah bidang kuasa MBPJ selari dengan visi dan misi jabatan.

2.2 MEMENUHI KEHENDAK PELANGGAN DAN PEMEGANG TARUH

 > MBPJ > Mengenai Kami > Piagam Pelanggan

Piagam Pelanggan

[Piagam Pelanggan MBPJ 2024 \(PDF\)](#)
[Piagam Pelanggan MBPJ 2023 \(PDF\)](#)

PIAGAM PELANGGAN JABATAN / UNIT 2024		
BIL	JABATAN/UNIT	PIAGAM PELANGGAN
1	UNIT KOMUNIKASI KORPORAT	Memberi maklum balas aduan pelanggan dalam tempoh masa 14 hari aduan diterima. Memastikan tindakan penyelesaian. Memastikan tindakan penyelesaian aduan biasa (bukan teknikal) diselesaikan dalam tempoh 14 hari dengan sasaran 75 peratus.
12	JABATAN KEJURUTERAAN	Mengeluarkan kelulusan permit berkaitan permohonan utiliti dalam tempoh 14 hari bekerja setelah dokumen yang dikemukakan lengkap. Memproses yang menyelenggara aduan jalan berlubang dan jalan rosak mengikut tempoh yang ditetapkan seperti aduan pothole Memastikan aduan lampu jalan dan lampu isyarat diproses dalam tempoh 24 jam dari tarikh penerimaan di jabatan

Sistem ini memenuhi dua kehendak stakeholder jabatan iaitu Jabatan Kejuruteraan dan Unit Komunikasi Korporat. Penggunaan sistem ini telah membantu pegawai zon untuk memantau dan menguruskan aduan jalan berlubang dengan lebih cepat dan efisien dalam tempoh 24 jam bagi memastikan keselesaan dan kemudahan infrastruktur di sekitar Petaling Jaya sentiasa dalam keadaan baik, selamat dan berkualiti. Ianya menyokong piagam pelanggan MBPJ dimana kerja-kerja dibuat dilaksanakan dengan lebih efisien dan lebih produktiviti.

Kontraktor yang telah dilantik hasil daripada penjualan tender merupakan pemegang taruh bagi pelaksanaan pembaikan jalan secara automatik melalui sistem ini dan telah menetapkan setiap kerosakan jalan perlu dibaiki dalam masa 24 jam.

2.3 SEJAJAR DENGAN AGENDA DAN MATLAMAT NASIONAL

Sistem ini membantu pegawai zon untuk melaksanakan kerja-kerja pemantauan pengurusan aduan jalan berlubang dengan lebih mudah, cepat dan efisien serta secara tidak langsung seiring dengan konsep perkhidmatan awam dan dasar-dasar utama peringkat Nasional iaitu:

- Sustainable Development Goals (SDGs) dibawah SDG 9 iaitu:- Industri, Inovasi dan Infrastruktur – dengan menyediakan fasiliti infrastruktur yang berkualiti, mempromosikan perindustrian yang inklusif dan mampan serta menggalakkan inovasi. Sistem ini dapat membantu untuk menambahbaik infrastruktur jalan dengan memastikan jalan berlubang dapat dibaiki dalam tempoh masa 24 jam bagi mengelakkan kemalangan jalan raya kepada pengguna jalan raya yang lain. Ia juga dapat menyokong pembangunan ekonomi dan kesejahteraan penduduk dengan meningkatkan kepercayaan pelabur asing untuk melabur di negara kita dengan adanya infrastruktur yang lebih selamat dan berkualiti. (Lampiran 1)

- ii. Rancangan Malaysia Kedua belas (RMK – 12) merujuk kepada Pemangkin Dasar 4 iaitu:- Memperkukuhkan Perkhidmatan Awam – dengan menyediakan fasiliti infrastruktur yang selamat dan teratur. Sistem ini dapat mempercepatkan masa rondaan dan laporan berkaitan kerosakan jalan dapat diterima dengan lebih pantas. Selain itu, pembangunan dan penambahbaikan ini juga dapat membantu pihak MBPJ dalam pengurusan yang lebih efisien dan pemantauan kerja-kerja pembaikan jalan yang dilakukan oleh kontaktor-kontraktor di bawah pengurusan MBPJ mengikut spesifikasi Majlis dan boleh dipantau dimana-mana sahaja menggunakan mobile apps (**Lampiran 1**)
- iii. Rancangan Selangor Pertama (RS-1) di bawah Tema Strategik 4 iaitu Tadbir Urus S.M.A.R.T. dan berkesan di bawah Bidang Tumpuan 3: Tenaga Kerja Awam yang Tangkas serta Bidang Tumpuan 5: Transformasi Teknologi. Dengan penggunaan sistem ini, jalan berlubang dapat dikesan dan dibaiki dengan pantas (24 jam). Dengan bantuan penggunaan teknologi terkini AI yang memberikan impak tinggi dalam mengenalpasti, merekod dan mendokumentasi maklumat aduan jalan berlubang dengan cepat jika dibandingkan dengan kaedah konvensional (melalui pemerhatian mata manusia) yang mengambil masa yang agak lama (> 48 jam) untuk mengesan serta melaksanakan kerja-kerja pembaikan jalan berlubang. Sistem ini menggunakan sensor dari jenis visual seperti dari rakaman 'dashcam' (**Lampiran 2**)
- iv. Pelan Strategik MBPJ 2021-2025 pada Teras 1 - melaksanakan tadbir urus yang cekap, berkesan dan berintegriti dibawah strategi 1 : Pengurusan Pentadbiran yang Berakauntabiliti . Justeru, melalui pelaksanaan AI, maklumat penemuan berkenaan jalan rosak ditapak adalah benar dan tepat. Penjanaan laporan adalah secara automatik. Laporan tersebut terbahagi kepada 2 iaitu, Laporan Pemeriksaan dan Laporan Penyelenggaraan. Laporan pemeriksaan akan memaparkan nama jalan, koordinat, dan juga kategori manakala Laporan Penyelenggaraan pula akan menunjukkan 3 paparan yang sama dan penambahan tarikh selesai selepas kontraktor membuat pembaikan. Sistem pelaporan automatik ini dapat menjimatkan masa penulisan laporan dan data yang dimuatnaik oleh pihak kontraktor boleh dijana terus sebagai pembuktian. (**Lampiran 3**)

2.4 KAITAN DENGAN KEADAAN DAN EKOSISTEM SEMASA

Inventori panjang jalan di sekitar Petaling Jaya sebanyak 1482.17 Kilometer. Statistik penerimaan aduan jalan rosak di sekitar Petaling Jaya adalah sebanyak 1042 aduan setahun. Senarai inventori jalan di bawah seliaan Majlis Bandaraya Petaling Jaya adalah sebanyak 4744 batang jalan yang diurus dan dipantau seramai 13 penolong jurutera sahaja yang merangkumi sebanyak 24 zon di sekitar Petaling Jaya. Penerimaan tuntutan ganti rugi kerosakan kenderaan awam akibat jalan rosak juga tinggi sekaligus membuktikan kurangnya kecekapan dari segi pengurusan dan pemantauan. Bagi mengurangkan kekerapan aduan jalan rosak serta mengurangkan penerimaan tuntutan ganti rugi kerosakan kenderaan awam akibat jalan rosak, sistem ini dibuat bagi penambahbaikan dari segi pengurusan dan pemantauan yang lebih efisien.

2.5 KAEDAH PEMILIHAN PROJEK DAN ANALISIS

Kumpulan telah menyediakan 5 senarai pendek masalah dan isu-isu yang sering dibangkitkan oleh pelanggan berkenaan dengan penyelenggaraan dan pembangunan infrastruktur di Petaling Jaya, iaitu:

- Kekerapan Jalan Majlis Rosak
- Pembinaan Bonggol Jalan Tidak Seragam
- Longkang Pecah Akibat Gangguan Aliran Air
- Kekerapan Papan Tanda Rosak dan Hilang
- Kekerapan Mentol Lampu Jalan Terbakar

Seterusnya, bagi menentukan pemilihan projek, Kumpulan **TrailBlazers** telah menggunakan kaedah Matriks Keutamaan bagi mendapatkan pemilihan masalah yang utama. Isu masalah kekerapan jalan Majlis rosak di pilih sebagai masalah paling utama.

Bil	Senarai Pendek Masalah	Penjimatan Masa (X 5)	Berkaitan Dengan Matlamat Jabatan (X 4)	Berkaitan Dengan Kerja(X 3)	Dalam Keupayaan Kumpulan(X1)	Jumlah Markah
1.	Kekerapan Jalan Majlis Rosak	$9 \times 5 = 45$	$5 \times 4 = 20$	$6 \times 3 = 18$	$8 \times 1 = 8$	91
2.	Pembinaan Bonggol Jalan Tidak Seragam	$4 \times 5 = 20$	$3 \times 4 = 12$	$3 \times 3 = 9$	$5 \times 1 = 5$	46
3.	Longkang Pecah Akibat Gangguan Aliran Air	$7 \times 5 = 35$	$4 \times 4 = 16$	$3 \times 3 = 9$	$5 \times 1 = 5$	65
4.	Kekerapan Papan Tanda Rosak dan Hilang	$3 \times 5 = 15$	$3 \times 4 = 12$	$4 \times 3 = 12$	$6 \times 1 = 6$	45
5.	Kekerapan Mentol Lampu Jalan Terbakar	$5 \times 5 = 25$	$4 \times 4 = 16$	$3 \times 3 = 9$	$4 \times 1 = 4$	54

SKALA :	1 - 2	Tidak penting	7 - 8	Penting
	3 - 4	Kurang penting	9 - 10	Sangat Penting
	5 - 6	Sederhana		

Jadual 1: Matriks Keutamaan

Kumpulan Trailblazers menggunakan penjelasan isu berdasarkan 5W1H bagi memberi penerangan setiap satu.

Penyataan Masalah : Tuntutan ganti rugi kerosakan kenderaan akibat jalan rosak


WHAT ?
➤ Statistik penerimaan tuntutan ganti rugi kerosakan kenderaan akibat jalan rosak adalah tinggi terutama apabila jalan yang rosak tidak diselenggara dan dibaiki dengan segera.
WHEN ?
➤ Sepanjang tahun terutama musim tengkujuh
WHERE ?
➤ Sekitar kawasan Petaling Jaya
WHY ?
➤ Beban trafik yang tinggi ➤ Faktor Cuaca ➤ Faktor Kitaran Jangka Hayat Jalan ➤ Workmanship ➤ Korekan oleh pihak ketiga
WHO ?
➤ Pengguna jalan raya (Orang awam) ➤ Pegawai Majlis ➤ Pemegang Taruh ➤ Penyedia Utiliti
HOW ?
➤ Kurang kecekapan dari segi pengurusan dan lambat dalam membuat pembaikan jalan rosak

2.6 PENYATAAN SASARAN OUTCOME DAN IMPAK

- Sasaran outcome adalah mempercepatkan masa tindakan pembaikan jalan berlubang dalam tempoh 24 jam sebanyak 70% dan kecekapan rondaan serta pengesanan jalan berlubang meningkat sebanyak 50%. Selain itu, pembangunan sistem ini juga dapat membantu pihak MBPJ dalam pengurusan dan pemantauan kerja-kerja pembaikan jalan yang dilakukan oleh kontaktor-kontraktor di bawah pengurusan MBPJ.
- Sasaran impak :-
 - Mengurangkan risiko kemalangan jalan raya.

3.0 TINDAKAN PENYELESAIAN

3.1 STRATEGI PENYELESAIAN KREATIF TERMASUK APLIKASI PENGGUNAAN TOOLS



Kumpulan Trailblazers menggunakan kaedah **Design Thinking (DT)** iaitu **EMPATI, TAKRIFAN, IDEA, PROTOTAIP DAN UJICUBA.**



3.1.1 Empati (*Emphaty*)

Kumpulan juga telah mengenalpasti kumpulan sasaran dan bekerjasama bagi mengisi maklumat dengan pengetahuan mereka tentang penggunaan dan pengumpulan data melalui kaji selidik bagi mendapatkan pandangan dan unsur empati dalam isu kerosakan jalan. Kumpulan telah menemubual 3 individu yang terdiri daripada penunggang motorsikal, pemandu kereta dan pegawai aduan Majlis. Setiap isu dan permasalahan akan dicatatkan bagi memberi yang terbaik kepada semua individu yang terlibat

3.1.2 Takrifan (Define)

Berdasarkan daripada analisa proses empati, kumpulan telah mengetahui masalah-masalah yang dihadapi oleh pelanggan/pengguna dan telah menyusun masalah tersebut dengan lebih sistematik. Hal ini bagi memudahkan kumpulan membangunkan inovasi yang ingin dijalankan menepati kehendak pelanggan/pengguna. Penggunaan teknik Point of View (POV) seperti dalam jadual di bawah :

➤ Kaedah Point Of View (POV)

Pengguna	Maklumat Menarik	Penemuan	Kita Hendak Bantu
Encik Haswat -Penunggang motorsikal 	➤ Mengelak secara mengejut pada jalan yang berlubang dan bahaya	➤ Tidak berpuas hati kerana Pihak PBT/JKR hanya menunggu aduan daripada pihak pengadu sebelum mengambil sebarang tindakan	➤ Kita berhasrat untuk memastikan tindakan pembaikan jalan berlubang diambil tindakan segera ➤ Kita berhasrat dalam melaksanakan rondaan secara proaktif dalam menangani masalah jalan rosak di sekitar Petaling Jaya
Puan Irwati -Pemandu kereta 	➤ Marah apabila terlanggar jalan berlubang terutama melibatkan kos penyelenggaraan tambahan yang kerap untuk membuat 'balancing tayar' ➤ Kecewa dengan Pihak PBT kerana tindakan pembaikan lambat dan membahayakan pengguna	➤ Kecewa kerana tindakan pembaikan lambat dilaksanakan ➤ Marah apabila terpaksa mengeluarkan kos yang tinggi bagi pembaikan kerosakan tayar	➤ Kita berhasrat dalam memastikan tindakan pembaikan jalan berlubang diambil tindakan segera ➤ Kita berhasrat dalam memastikan pemantauan dibuat bagi kerja-kerja pembaikan yang dibuat oleh kontraktor yang dilantik
Puan Izzatul - Pegawai Aduan Majlis 	➤ Statistik penerimaan aduan jalan berlubang terlalu tinggi iaitu 1042 setahun ➤ Tindakan pembaikan jalan berlubang oleh pihak kontraktor yang dilantik terlalu lambat (>24 jam)	➤ Rasa tertekan menerima jumlah aduan yang tinggi serta tindakan pembaikan yang lambat yang menyebabkan sering dimarahi oleh pihak pengadu.	➤ Kita berazam bagi kerja-kerja pembaikan jalan rosak dibuat segera iaitu dalam tempoh kurang daripada 24 jam

3.1.3 Penjanaan Idea (*Ideate*)

Berdasarkan daripada analisa proses mengenal pastian masalah, kumpulan menggunakan teknik SCAMPER untuk penghasilan idea-idea penyelesaian seperti dibawah :

➤ Kaedah Scamper

S	Substitute : Laporan lawatan tapak secara manual ditukar ke sistem pelaporan digital yang lebih sistematik (sistem)
C	Combine : Penjanaan laporan rondaan dan laporan tindakan pembaikan ditapak dijana secara digital
A	Adapt : Penggunaan sistem boleh disesuaikan dengan penggunaan Apps (Playstore/los) dan sistem web
M	Modify : Penggunaan dashcam ditambahbaik dengan penggunaan bersama teknologi kecerdasan buatan (AI) dan penggunaan laporan secara real time
P	Put to another use : N/A
E	Eliminate : N/A
R	Reverse : Penyusunan semula prosedur kerja rondaan dan penyampaian maklumat yang lebih sistematik


3.1.4 Prototaip (*Prototype*)

Proses mereka bentuk prototaip interface sistem tersebut mengambil masa hampir 4 bulan untuk disiapkan secara outsource seperti yang ditunjukkan di gambar rajah 2. Proses brainstorming secara berkumpulan telah dilaksanakan bagi mendapatkan satu hasil yang lebih tepat dan sesuai bagi sistem tersebut.



Ahli kumpulan sedang membincangkan penambahbaikan ke atas prototaip sistem tersebut

➤ Kaedah lakaran & prototaip



3.1.5 Test (Ujian)

Kumpulan telah melaksanakan dua (2) kali uji cuba ke atas sistem RONDAPJ

Kumpulan telah membuat uji cuba sistem RONDAPJ berasaskan beberapa kriteria seperti berikut:

- Mudah digunakan
- Proses kerja dan bilangan 'potholes' yang dikesan dan dibaiki
- Masa rondaan yang singkat

Data uji cuba RONDAPJ adalah seperti yang ditunjukkan dalam jadual dibawah

UJIAN	PENEMUAN	CADANGAN PENAMBAHBAIKAN
Tarikh : 13.6.2023 Masa : 09.00AM- 04.00PM Tempat: SS 2	✓ Resolusi kamera dashcam kurang jelas ✓ Maklumat jenis kerosakan kurang tepat	✓ Menukar resolusi kamera dashcam jenis 4K ✓ Meningkatkan sensitiviti pada ' Detect Motion'
Tarikh : 14.08.2023 Masa : 09.00AM- 04.00PM Tempat : Seksyen 17	✓ Cadangan pada ujian lepas yang dibuat bagi menukar kamera dashcam jenis 4k dan meningkatkan sensitiviti 'Detect Motion' telah dicapai dan memuaskan. ✓ Penemuan baru dimana pemantauan secara real time serta pergerakan kenderaan rondaan tidak mengikut masa serta jadual yang ditetapkan.	✓ Menggunakan aplikasi GPS pada kenderaan rondaan
Tarikh : 20.10.2023 Masa : 09.00AM- 04.00PM Tempat: Sekitar Petaling Jaya	✓ Penggunaan aplikasi GPS pada kenderaan rondaan telah digunapakai dan menunjukkan laluan kenderaan dan laporan yang dijana adalah tepat dan mudah ✓ Tiada cadangan tambahan dan lulus bagi pelaksanaan penuh sistem RondaPJ	✓ Sistem rondaan lebih efektif & sistem

3.2 PERAKUAN DARIPADA PIHAK BERTAULIAH

Kumpulan Trailblazers telah menerima beberapa pengiktirafan daripada badan induk luar iaitu:

1. Malaysian Institute of Road Safety Research (MIROS)
2. Malaysian Society For Occupational Safety and Health (MSOSH)



3.3 PELAKSANAAN INOVASI

Kumpulan Trailblazers telah dilantik oleh Majlis Bandaraya Petaling Jaya sebagai Kumpulan Inovasi Majlis Bandaraya Petaling Jaya dan sistem RONDAPJ telah dilaksanakan dan digunakan sepenuhnya oleh Jabatan Kejuruteraan dalam menangani masalah isu jalan berlubang.



4.0 KEBERHASILAN PROJEK

4.1 OUTCOME PROJEK

4.1.1 PENCAPAIAN OUTCOME DAN PEMBUKTIAN

OUTCOME PROJEK			
BIL	FAEDAH-FAEDAH PROJEK	SEBELUM PROJEK	SELEPAS PROJEK
1	Penjimatan Masa  50% 48 jam → 24 jam	Jalan yang rosak/berlubang dapat dikenalpasti berdasarkan rondaan serta penjaan laporan secara manual serta makluman kepada pihak kontraktor untuk tindakan pembaikan dalam tempoh 48 jam.	Jalan yang rosak/berlubang dapat dikenalpasti menggunakan sistem AI dengan cepat serta penjaan laporan secara atas talian serta makluman kepada pihak kontraktor untuk tindakan pembaikan segera (24 jam)
2	Kecekapan Tadbir Urus (Bilangan jarak(km) rondaan yang dibuat)  88% 100km/bulan → 880km/bulan	Jarak rondaan yang dibuat secara manual oleh pegawai dalam masa sebulan adalah sebanyak purata 100 km.	Jarak rondaan yang dibuat (menggunakan teknologi Ai) dalam masa sebulan adalah sebanyak purata 880 km
3	Kecekapan Tadbir Urus (Bilangan penemuan jalan berlubang)  89% 24 laporan → 220 laporan	Jumlah penemuan jalan berlubang berdasarkan rondaan dan pelaporan secara manual (rondaan menggunakan kenderaan sendiri) dalam masa sebulan adalah sebanyak 24 laporan.	Jumlah penemuan jalan berlubang berdasarkan rondaan dan pelaporan secara atas talian (rondaan menggunakan teknologi Ai) dalam masa sebulan adalah sebanyak 220 laporan.

4	Kecekapan Pengurusan Sumber Tenaga Manusia  13 orang → 2 orang	Penggunaan sumber tenaga manusia bagi tujuan rondaan secara manual adalah sebanyak 13 orang (Penolong Jurutera) merangkumi 1482.17 km.	Penggunaan sumber tenaga manusia bagi tujuan rondaan Ai adalah sebanyak 2 orang (1 Pemandu + Penolong Jurutera) merangkumi 1482.17 km.
5	Peningkatan Kepuasan Hati Pelanggan - (Lampiran 4)	Tidak berpuas hati dan banyak aduan diterima tidak selesai mengikut tempoh masa yang ditetapkan	Berpuas Hati kerana tindakan pembaikan yang cepat (24 jam)
6	Peningkatan Kepuasan Hati Pekerja a) Pegawai Aduan b) Pekerja/Kontraktor (Lampiran 5)	Tidak berpuas hati kerana mengambil masa yang lama untuk membuat rondaan	Berpuas hati dan kerosakan jalan dapat dibaiki segera (24 jam)
7	Peningkatan Imej (Lampiran 6)	Jalan rosak dan tiada tindakan oleh Majlis serta kelewatan dalam pelaksanaan pembaikan.	Meningkat kerana mutu perkhidmatan yang lebih baik

4.1.2 FAEDAH SAMPINGAN (LUAR JANGKA)

- Memudahkan pemantauan oleh pegawai jabatan untuk memantau aduan dimana masa yang diambil bagi pemantauan aduan adalah lebih singkat.
- Maklumat yang direkodkan oleh sistem adalah secara **real time** dan boleh dijadikan sebagai rekod jabatan yang tepat dan tersusun.
